

**PERJUANGAN GURU-GURU MELAYU MEMARTABATKAN BAHASA  
KEBANGSAAN SELEPAS KEMERDEKAAN SEHINGGA 1970**

***THE STRUGGLES OF MALAY TEACHERS IN UPHOLDING NATIONAL  
LANGUAGE FROM POST INDEPENDENT YEARS TO 1970.***

**Murni Deraman**  
**Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus**  
**Universiti Malaya (UM)**

**Abstrak**

Kajian ini melihat perjuangan guru-guru Melayu dalam memartabatkan bahasa kebangsaan selepas kemerdekaan sehinggalah tahun 1970. Perjuangan guru-guru Melayu didokong oleh Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) yang merupakan golongan pendesak utama terhadap kerajaan dalam memastikan kedudukan bahasa kebangsaan dimartabatkan selaras dengan perundangan dan dasar-dasar yang telah dirangka. Untuk melihat perkara di atas maka kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan sekali gus sebagai bahasa rasmi negara dalam perlembagaan negara harus dilihat agar pelaksanaan dasar selari dengan peruntukannya. Sehubungan dengan itu tulisan ini akan mengkaji sejauhmana kukuhnya kedudukan bahasa kebangsaan dalam perlembagaan kerana wujud pelbagai kemelut antara pihak KPGSM dengan pihak kerajaan sepanjang tempoh tersebut. Reaksi guru-guru Melayu yang sensitif tentang isu bahasa telah banyak membuka mata pihak kerajaan terhadap kedudukan bahasa kebangsaan yang sentiasa diselubungi oleh pelbagai permasalahan.

**Kata kunci:** Guru, Akta Bahasa, Penyata Razak, Penyata Rahman Talib, Kesatuan Persatuan Guru Semenanjung.

**Abstract**

*This article discussed on the Malay teacher's struggle in upholding bahasa Melayu as the national language upon post independence era up to 1970. During that period, teachers apparently supported by the Federation of Malay Peninsular Malay Teachers (KPGMS) who played the main role in urging the Government to uphold bahasa Melayu accordancing with the legislation and policies that have been drafted. Hence the implementation of the Malay language as national language should follow the provisions of the policy in Malaysia's constitution. There fore, this article will examine how strong the national language is in the constitution as there were various tensions between the KPGSM and the government during those period. The reaction of this teachers who are sensitive in malay language issue has greatly awakened the government towards the national language position which is always covered by various problems.*

**Keywords:** Teachers, Language Act, Razak Statement, Rahman Talib Statement, Union of Teachers Association of Peninsular.

## **Pengenalan**

Artikel ini merupakan satu penyelidikan ringkas tentang sejarah dan perjuangan guru-guru Melayu dalam Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal bermula tahun 1957 sehinggalah tahun 1970. Perjuangan guru-guru Melayu dapat dilihat melalui tuntutan pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagaimana dalam peruntukan perlembagaan dan mendesak kerajaan melaksanakan dasar-dasar berkaitan bahasa selari dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan. Malah mereka juga merupakan kumpulan pendesak yang penting terhadap pihak kerajaan yang dilihat banyak berbolak-balik dalam melaksanakan Perkara 152 dalam perlembagaan. Sikap kerajaan yang banyak berkompromi dengan tuntutan kaum lain telah menyulitkan pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah vernakular, dalam sistem peperiksaan mereka dan sistem pentadbiran negara. Oleh yang demikian adalah wajar perjuangan guru-guru dalam memartabatkan kedudukan bahasa kebangsaan di negara ini dilihat secara terperinci.

## **Kedudukan Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan**

Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan.<sup>1</sup> Peruntukan di atas bermaksud status bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan sekaligus sebagai bahasa rasmi. Kedudukannya merentasi bahasa-bahasa kaum dan sukuan yang lain. Bahasa Melayu bukan bahasa orang Melayu atau pribumi saja, tetapi bahasa keseluruhan masyarakat Tanah Melayu. Kepentingan menggunakan bahasa kebangsaan untuk maksud rasmi turut dijelaskan oleh perlembagaan. Bahasa rasmi yang dimaksudkan ialah bahasa yang digunakan dalam urusan kerajaan seperti urusan perundangan, urusan pentadbiran dan urusan kehakiman dan bahasa tersebut ialah bahasa Melayu seperti yang terkandung dalam Perlembagaan. Bahasa kebangsaan ialah bahasa kesatuan politik, kemasyarakatan dan kebudayaan, yang bermaksud bahasa perpaduan, bahasa penyatuan bagi satu-satu bangsa atau masyarakat tidak kira keturunan kaum, agama, dan lain-lain.<sup>2</sup> Ini bermakna secara tidak langsung bahasa kebangsaan adalah bahasa rasmi negara.

Akta Bahasa Kebangsaan 1967 antara perkara yang ditunggu-tunggu oleh masyarakat Malaysia untuk mendaulatkan bahasa Melayu namun akta ini tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal. Diikuti oleh Akta Pendidikan yang menjadi tunjang kuat untuk pelaksanaan bahasa kebangsaan, perkara ini dilaksanakan di dalam segenap bidang pendidikan negara. Malahan kedudukan bahasa rasmi ini tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-raja. Kedudukan bahasa Melayu di dalam Perlembagaan Merdeka 1957 adalah kesinambungan warisan dan unsur tradisi yang menjadi prinsip dan amalan dalam masyarakat Melayu sejak berkurun lamanya.<sup>3</sup> Mengikut Abdul Aziz Bari perlembagaan juga mempunyai unsur tradisi yang merupakan kumpulan prinsip dan amalan yang telah lama wujud. Dalam konteks Perlembagaan Malaysia perkataan tradisi digunakan untuk menerangkan unsur-unsur tempatan yang dikekalkan oleh perlembagaan.

## **Kedudukan Bahasa Kebangsaan Dalam Perlembagaan**

Perkara 152 itu tidak boleh dipinda oleh Parlimen kerana kata putus terletak di tangan Majlis Raja-Raja, perkara ini dinyatakan dengan jelas oleh Perlembagaan di bawah Perkara 159(5).<sup>4</sup> Kedudukan yang sedemikian memang wajar kerana bahasa Melayu mempunyai sejarah yang cukup panjang di negara ini. Begitu juga dalam peruntukan di bawah Perkara 10(4) yang turut meletakkan bahasa Melayu antara perkara-perkara yang kedudukannya tidak boleh dipersoalkan atas nama kebebasan bersuara.<sup>5</sup> Dalam tafsiran perlembagaan di atas ialah kepentingan bahasa kebangsaan jelas terkandung dan dilindungi dalam perlembagaan dan harus dihormati oleh semua pihak. Perkara ini harus difahami oleh seluruh rakyat Malaysia kerana kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan diambil kira atas dasar kewujudan bahasa ini sejak turun temurun dan diguna pakai hingga sekarang. Maka jika semua masyarakat memahami perjalanan sejarah negara maka tidak akan timbul soal perkauman dalam bahasa atau soal kebangsaan yang sempit terhadap pelaksanaan bahasa.

Setelah Perlembagaan Merdeka diwartakan kedudukan bahasa Inggeris dalam perlembagaan menjadi perkara yang hangat dibincangkan. Kenyataan bahawa bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa rasmi bersama dengan bahasa Melayu sehingga sepuluh tahun selepas kemerdekaan telah menimbulkan kemarahan para pejuang bahasa. Parlimen bertanggungjawab menentukan bahasa Melayu mampu menjadi bahasa rasmi tunggal menggantikan bahasa Inggeris.<sup>6</sup> Ini juga bermaksud kedudukan bahasa kebangsaan masih bersaing dengan bahasa Inggeris. Malah akan terancam jika majoriti suara dalam parlimen inginkan kedudukan bahasa Inggeris terus menerus berada kukuh dalam perlembagaan negara. Perkara 152 merupakan satu perlembagaan yang *rigid*<sup>7</sup> yang hanya boleh diubah melalui peraturan-peraturan dan syarat-syarat tertentu dipatuhi seperti keperluan mendapat dua per tiga majoriti dalam dewan perundangan, pungutan suara atau persetujuan badan-badan tertentu seperti Majlis Raja-Raja. Guru-guru Melayu lantang bersuara menyatakan perasaan tidak puas hati dan berjuang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal. Akhbar-akhbar tempatan dan majalah seperti *Majalah Guru* memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan kefahaman kepada masyarakat tentang kepentingan mendaulatkan bahasa kebangsaan.<sup>8</sup>

Perkara yang penting selepas wujudnya perlembagaan ialah pembentukan dasar yang sejajar dengan perlembagaan agar segala perkara yang wujud dalam perlembagaan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dasar ialah prinsip-prinsip yang menjadi asas bagi tindakan-tindakan orang yang terlibat di dalam dasar tersebut bagi menjayakan hala tuju sesebuah negara. Prinsipnya sudah tentulah selari dengan perkara-perkara yang terkandung dalam perlembagaan.

## **Reaksi Guru-guru Melayu Terhadap Kedudukan Bahasa Melayu**

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan KPGMS semakin aktif berjuang demi memastikan peruntukan Perlembagaan Merdeka 1957 berjalan seperti yang diwartakan. KPGMS melihat serta mengkaji peruntukan Penyata Razak 1956 dengan Perlembagaan Merdeka 1957 agar kedua-duanya berjalan selari dan tidak membelakangkan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi Tanah Melayu. *Majalah Guru* menjadi medan komunikasi guru-guru dan sering menegaskan kepada kerajaan agar bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dari peringkat awal persekolahan hinggalah ke peringkat

tinggi.<sup>9</sup>

Selepas kemerdekaan KPGMS menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap beberapa perkara berkenaan dengan dasar pelajaran. Misalnya perkara yang berkaitan dengan terjemahan undang-undang atau Penyata Razak 1956 yang masih lagi dikuatkuasakan dalam bahasa Inggeris. *Majalah Guru* pernah mengeluarkan ulasan berkenaan perkara ini sebelum kemerdekaan, "...orang-orang yang bertanggungjawab dalam Jabatan Pelajaran yang tidak mahu mengeluarkan terjemahan dalam bahasa Melayu...kerana ini adalah undang-undang dan tidak boleh diterjemahkan dalam bahasa Melayu".<sup>10</sup>

Perkara ini dibangkitkan kembali selepas kemerdekaan oleh KPGMS kerana apa yang terkandung di dalam dasar pelajaran itu tidak dikuatkuasakan oleh kerajaan sepenuhnya. Selain itu KPGMS juga menuntut agar kerajaan menunaikan segala janji-janji Perikatan yang terkandung di dalam manifesto semasa Pilihanraya Umum 1956, iaitu, "...mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat diterima oleh rakyat Persekutuan Tanah Melayu...menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini".<sup>11</sup>

Guru-guru Melayu berusaha memastikan apa yang dijanji oleh kerajaan sebelum kemerdekaan akan dilaksanakan selepas kemerdekaan.<sup>12</sup> Tunku menjelaskan berkenaan Sekolah Menengah Melayu yang masih tertangguh pelaksanaannya walaupun ianya sudah menjadi dasar kerajaan disebabkan oleh ketidakcukupan guru-guru berkecukupan.<sup>13</sup> Perbelanjaan yang tinggi untuk membina bangunan, pembekalan buku teks, dan keperluan yang lain juga penyebab kepada kegagalan penubuhan Sekolah Menengah Melayu.<sup>14</sup> Guru-guru Melayu tidak dapat menerima alasan pihak kerajaan dan mendakwa bahawa kerajaan tidak serius dalam pelaksanaan dasar bahasa walaupun negara sudah merdeka dan kedudukan bahasa Melayu terkandung dalam perlembagaan dengan jelas.

Di samping itu terdapat beberapa perkara yang juga mempengaruhi keputusan kerajaan dalam melaksanakannya dasar-dasar dalam Laporan Razak seperti desakan dan suara-suara kaum bukan Melayu melalui akhbar-akhbar berbahasa Inggeris yang banyak menolak pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan.<sup>15</sup> Namun bagi pihak guru-guru Melayu pula mereka merasakan sudah tiba masanya bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi tunggal persekutuan dan sekaligus menjadi bahasa pengantar di semua sekolah bantuan kerajaan. Oleh itu KPGMS melihat selagi bahasa Inggeris menjadi bahasa yang utama dalam sistem persekolahan kerajaan malah masih digunakan secara meluas dalam segala sektor awam dan swasta maka persoalan bahasa kebangsaan ini tidak dapat dirungkai walaupun negara telah merdeka.

### **Perjuangan Guru-guru Melayu Memartabatkan Bahasa Kebangsaan**

Ketidakpuasan hati guru-guru Melayu terhadap pelaksanaan dasar pelajaran yang bermula sebelum merdeka berlarutan sehingga negara mencapai kemerdekaan. Pihak KPGMS mendakwa kerajaan masih ragu-ragu untuk melaksanakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar walaupun negara sudah mencapai kemerdekaan. KPGMS meletakkan harapan yang tinggi kepada Mohd Khir Johari yang merupakan bekas guru di Kedah yang telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran menggantikan Tun Abdul Razak.<sup>16</sup> Pihak KPGMS berdepan dengan pelbagai pihak yang digolongkan sebagai penentang kepada dasar pelajaran kebangsaan. Pertama, golongan berpendidikan Inggeris yang mahu bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah

kedua, golongan berpendidikan Cina yang mahukan semua bahasa di negara ini adalah setaraf kedudukannya dan ketiga, golongan masyarakat Melayu yang berpendidikan Inggeris.<sup>17</sup> Penentangan mereka berasaskan kepada kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan, minat dalam perjuangan dan tanggungjawab kepada negara.

Pejuang-pejuang bahasa membuat desakan berterusan supaya kerajaan memperkukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam setiap bidang. Pihak KPGMS telah mengambil tindakan yang tegas untuk mempertahankan bahasa kebangsaan. Guru-guru Melayu melalui kesatuan guru di negeri masing-masing dan KPGMS telah mengadakan mesyuarat dan mendapatkan ketetapan yang tegas tentang kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Guru-guru Melayu di bawah KPGMS telah mengadakan pertemuan khas iaitu 'Sidang Jawatankuasa Agung Perwakilan Tergempar' di Kuala Lumpur pada 28-29 Disember 1957. Persidangan ini diketuai oleh Cikgu Mohamad Nor Ahmad<sup>18</sup> selaku orang kuat yang menerajui KPGMS. KPGMS mendesak kerajaan supaya pelaksanaan dasar pelajaran dan bahasa dapat berkuatkuasa secepat mungkin. Guru-guru Melayu melihat sikap kerajaan yang sedemikian akan mendatangkan kerugian terhadap pelajar-pelajar Melayu yang tamat Darjah VI Sekolah Melayu kerana tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah. Keadaan berbeza dengan pelajar-pelajar daripada Sekolah Aliran Inggeris yang mendapat kemudahan yang jauh lebih baik. Mohd Khir Johari selaku Menteri Pelajaran telah merasmikan persidangan tersebut dan berjanji akan melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 dalam tempoh akhir Mac 1958.<sup>19</sup>

Berikutan itu satu Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama telah diadakan pada 30 Disember 1957 sehingga 2 Januari 1958 di Melaka. Tujuan kongres ini adalah untuk membincangkan Teras Kebudayaan Melayu untuk dijadikan Teras Kebudayaan kebangsaan bagi Tanah Melayu. Kongres ini dihadiri oleh wakil-wakil daripada 51 pertubuhan Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, termasuk KPGMS, kongres ini juga diwakili oleh pertubuhan-pertubuhan bangsa lain. Dalam aspek bahasa, Kongres Kebudayaan Melayu telah membuat satu ketetapan usul iaitu:

“Bahasa Melayu hendaklah dijadikan Bahasa Pengantar dalam semua peringkat persekolahan kerajaan dan bantuan kerajaan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan juga menjadi perkara wajib lulus dalam peperiksaan dari peringkat sekolah rendah sehingga sekolah menengah iaitu Sijil Pelajaran Rendah dan Sijil Pelajaran Kebangsaan,”<sup>20</sup>

Sebelum merdeka lagi para pejuang bahasa menuntut agar kerajaan melaksanakan sekolah Melayu seperti yang termaktub di dalam Penyata Razak 1956.<sup>21</sup> Guru-guru Melayu begitu optimis dan memegang kata-kata Tun Abdul Razak dalam Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan pada 1956, “Kita sesungguhnya percaya bahawa satu daripada unsur-unsur penting dalam pembinaan sebuah negara Tanah Melayu yang bersatu ialah kanak-kanak daripada semua bangsa perlu belajar perkara yang sama dengan cara yang sama di sekolah”.<sup>22</sup>

Perasaan tidak puas hati daripada pihak KPGMS telah dinyatakan dalam beberapa siri mesyuarat di peringkat negeri. Contohnya wakil daripada Melaka yang mencadangkan pihak kesatuan mendesak kerajaan melaksanakan Sekolah Menengah Melayu dan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan dengan kadar segera. Mereka menuduh kerajaan teragak-agak dalam pelaksanaan dasar ini dan alasan pihak kerajaan kekurangan buku-buku rujukan bahasa Melayu adalah tidak munasabah.<sup>23</sup> Melalui Penyata Razak bahasa Melayu diberi kedudukan yang baik sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi medium utama disemua

sekolah.<sup>24</sup> Kesatuan Guru-guru Perak mengesakan kerajaan melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti yang termaktub di dalam Penyata Razak pada tahun 1956 yang tidak dilaksanakan sehingga kemerdekaan dicapai. Mereka juga meminta agar kerajaan menetapkan tarikh pelaksanaan bahasa pengantar di Universiti Malaya selewat-lewatnya pada tahun 1963.<sup>25</sup>

KPGMS mendesak agar Sekolah Menengah Melayu dilaksanakan dengan kadar segera iaitu pada 1 Februari 1958. Ketegasan pihak KPGMS dapat dilihat melalui desakan berikut, "10,000 guru-guru Melayu akan bertindak tegas sekiranya bahasa Melayu tidak dijadikan bahasa pengantar di sekolah...KPGMS kesal dengan sikap kerajaan mengekalkan pegawai-pegawai dagang di kementerian pelajaran".<sup>26</sup> Dalam mesyuarat agung perwakilan KPGMS pada 28 hingga 29 Disember 1957 telah mengesakan agar 10,000 orang ahlinya yang terdiri daripada guru-guru yang menjadi penyokong kuat dalam UMNO agar keluar dari parti jika kerajaan tidak melaksanakan tuntutan di atas pada tarikh yang ditetapkan.<sup>27</sup> Kegagalan kerajaan boleh dilihat melalui penubuhan kelas menengah Melayu di Ipoh, Tanjung Malim dan Melaka yang masih lagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.<sup>28</sup>

Begitu juga dengan jaminan yang dibuat oleh En Mohd Khir bin Johari selaku Menteri Pelajaran bahawa kelas-kelas pengantar bahasa Melayu akan dimulakan di sekolah-sekolah Inggeris dalam masa tiga bulan juga tidak berjaya.<sup>29</sup> Dalam Persidangan Agung UMNO Pulau Pinang, Tuan Haji Sulaiman telah menyentuh isu kelewatan pihak kerajaan menubuhkan Sekolah Menengah Melayu dan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti yang terkandung di dalam Penyata Razak.<sup>30</sup>

Akhbar *Utusan Melayu* memainkan peranan yang penting dalam menyokong tuntutan guru-guru Melayu kepada pihak kerajaan. Akhbar ini banyak menyiarkan tuntutan serta bantahan guru-guru serta menyentuh peranan yang dimainkan oleh kementerian pelajaran selaku pihak yang bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar pelajaran.<sup>31</sup> Mereka bimbang jika sekolah ini tidak dilaksanakan dengan segera kerajaan terpaksa tunduk kepada tuntutan kaum bukan Melayu yang dalam masa yang sama berusaha mempertahankan sekolah aliran mengikut kaum seperti yang sedia ada. Kaum bukan Melayu bimbang jika penubuhan Sekolah Menengah Melayu ini dilaksanakan sepenuhnya kemungkinan sekolah aliran Inggeris, Cina dan Tamil akan dihapuskan demi mewujudkan semangat kebangsaan. Kaum bukan Melayu sentiasa mendakwa bahawa bahasa Melayu telah diberi kedudukan yang terbaik berbanding dengan bahasa-bahasa lain terutamanya melalui Penyata Razak.<sup>32</sup> Pihak kerajaan mendakwa Sekolah Menengah Melayu tetap akan ditubuhkan dan sekarang dalam proses pembinaan. Contohnya Sekolah Menengah Melayu di Kuala Lumpur akan dimulakan pembinaan pada tahun 1958, begitu juga dengan dua buah sekolah perempuan di Melaka akan dimulakan secepat mungkin. En. Khir Johari selaku Menteri Pelajaran menerangkan bahawa perkara ini perlu mengambil masa kerana negara mengalami kekurangan guru-guru yang terlatih. Oleh itu Maktab Perguruan Sultan Idris dan Maktab Perguruan Perempuan Melaka akan dinaik taraf dan dibesarkan untuk menampung pertambahan pelatih.<sup>33</sup>

UMNO bahagian Pulau Pinang sangat bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh pihak KPGMS. Persidangan khas telah diadakan pada 12 Januari 1958 menuntut agar ahli-ahli UMNO Pulau Pinang dan Seberang Prai menarik diri daripada Persidangan Majlis Mesyuarat jika kerajaan masih tidak melaksanakan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada 1 Februari 1958.<sup>34</sup> Sebelum ini Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang yang diketuai oleh Cikgu Mohamad Nor Ahmad telah bertindak dengan tegas dan mengeluarkan kenyataan, "...seluruh konselor Melayu hendaklah keluar daripada semua Majlis

Mesyuarat Negeri dan Federal kalau bahasa Melayu tidak dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah pada 1 Februari 1958.”<sup>35</sup>

Apa yang diperkatakan oleh UMNO Pulau Pinang itu cukup memberi tamparan hebat kepada Tunku dan UMNO keseluruhannya. Di samping itu, mereka juga akan membubarkan tiga puluh lima bahagian UMNO di seluruh negeri.<sup>36</sup> Majlis Mesyuarat Agung Khas KPGMS yang dipengerusikan oleh Cikgu Mohamad Nor Ahmad pada 31 Januari 1958 di sekolah Umum Prince Road, Kuala Lumpur telah mengeluarkan kenyataan:<sup>37</sup>

- 1) “Bahawa adalah kerana yang dimajukan oleh KPGMS kepada Kementerian Pelajaran sebagaimana yang diputuskan dalam Persidangan Agung KPGMS pada 29 Disember 1957 telah berhasil maka persidangan ini menetapkan supaya ketetapan itu dilaksanakan.
- 2) Ahli-ahli Kesatuan Guru Negeri Melayu Negeri-negeri di keseluruhan Persekutuan yang menjadi ahli kepada UMNO dan pertubuhan-pertubuhan yang bergabung dengannya hendaklah berhenti daripada menjadi ahlinya mulai daripada 1 Februari 1958 atau selewat-lewatnya pada 15 Februari 1958. Jika ada ahli-ahli yang engkar maka berkuasalah KGM/PTM negeri-negeri menjalankan tata tertibnya.”

Persidangan Khas ini turut dihadiri oleh Tuan Syed Nasir Ismail<sup>38</sup> dan Aminuddin Baki<sup>39</sup> untuk memberikan sokongan. Akhbar-akhbar Melayu turut memberi liputan yang meluas tentang perkara ini. KPGMS telah mengeluarkan perintah kepada ahli-ahlinya, “keluar beramai-ramai daripada UMNO hari ini, tindakan akan diambil terhadap anggota-anggota yang engkar. Tuan Syed Nasir mencurahkan air mata di persidangan khas KPGMS ini”<sup>40</sup>

Sebelum ini sayap dalam UMNO di bawah Jawatankuasa Pelajaran UMNO Malaya telah mengadakan mesyuaratnya yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir Ismail pada 14 Januari, 1958. Jawatankuasa telah mengambil ketetapan antara lain:

- 1) Bersetuju darjah S.M.C (Special Malay Class) dibatalkan mulai tahun 1959.
- 2) Bersetuju memperbanyakkan lagi bilangan murid daripada Sekolah Umum masuk ke Remove Class.
- 3) Darjah Lanjutan hendaklah dijalankan terus tetapi pembayarannya hendaklah diturunkan tidak lebih daripada lima ringgit.
- 4) Bangunan sekolah menengah memadailah dengan sederhana sahaja supaya tidak tergendala kehendak perenggan 97 dan 98 di dalam Penyata Razak.
- 5) Adakah pelajaran dengan pelajaran pos di kawasan yang di dalamnya tidak cukup murid untuk dibuka.
- 6) Mengadakan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya seperti yang diputuskan oleh Persidangan Agung UMNO pada tahun 1958.

Berkenaan dengan pembukaan sekolah menengah bahasa Melayu keputusan-keputusan telah di ambil iaitu:

- 1) Adakan Sekolah Menengah yang tersebut sebanyak sebelas buah iaitu sebuah bagi tiap-tiap negeri yang mengandungi dua darjah sebagai langkah permulaan
- 2) Persediaan kerana pembukaan darjah menengah ini hendaklah dijalankan mulai daripada bulan Februari 1958.
- 3) Guru yang akan mengajar darjah itu terpulanglah kepada menteri sendiri menentukannya.<sup>41</sup>

Para pejuang bahasa melihat perubahan perlu demi kemajuan bangsa Melayu yang dilihat sangat lemah dalam bidang pendidikan dan ketinggalan jauh dalam bidang ekonomi ekoran daripada sistem pendidikan penjajah yang menafikan hak-hak penduduk tempatan. Pihak KPGMS pernah mencadangkan ahli-ahlinya menyumbangkan gaji mereka sebanyak satu peratus untuk mewujudkan tabung khas agar Sekolah Menengah Melayu dapat beroperasi dengan segera.<sup>42</sup> Tindakan ini tidak dapat dipastikan samada diteruskan atau tidak tetapi apa yang pasti ini adalah kehendak sebahagian besar masyarakat pendidik pada masa itu yang faham akan kehendak dan keperluan masyarakat Melayu diseluruh pelusuk negara dan bukannya untuk sebahagian masyarakat bandar sahaja. KPGMS melihat pendidikan dalam bahasa Melayu adalah saluran yang terbaik untuk memastikan seluruh masyarakat Melayu mendapat pendidikan yang sempurna. Encik Mohammad Khir Johari memberi reaksi pertamanya kepada pihak KPGMS, secara tegas beliau menyatakan, “Saya tidak akan menerima perintah dari guru-guru.”<sup>43</sup>

Golongan pemimpin Perikatan melihat tindakan guru-guru tidak lebih daripada mengharapkan penubuhan Sekolah Menengah Aliran Melayu dan dapat menikmati skim gaji yang setaraf dengan guru-guru Sekolah Menengah Aliran Inggeris.<sup>44</sup> Tunku juga memberi respon yang sangat mengecewakan guru-guru Melayu dengan menyindir Cikgu Mohamad Nor Ahmad, “saya nak tengok sekolah bangsa Melayu macam mana dan saya nak tengok juga berapa orang nak mengaji jenis sekolah yang cikgu mahu itu”<sup>45</sup>

Respon yang diberikan oleh pihak kerajaan amat mengecewakan guru-guru Melayu. Oleh itu satu keputusan telah diambil oleh pihak KPGMS melalui Cikgu Mohamad Nor Ahmad supaya ahli KPGMS keluar daripada parti UMNO serta mengisytiharkan peletakan jawatan beliau dalam UMNO berkuat kuasa pada 31 Januari 1958.<sup>46</sup> Ternyata guru-guru Melayu amat kecewa dengan pihak kerajaan. Tindakan Khir Johari dan Tunku dalam menghadapi tuntutan guru-guru Melayu jelas dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktornya ialah latar belakang pemimpin yang berpendidikan Inggeris, tekanan daripada MCA yang menuntut bahasa Cina menjadi salah satu bahasa rasmi negara dan pengaruh daripada pegawai-pegawai British yang masih lagi berkhidmat di Tanah Melayu.<sup>47</sup>

Ramai dalam kalangan guru-guru Melayu melihat bahawa kegagalan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 adalah kerana sikap tidak yakin para pemimpin terhadap keupayaan bahasa Melayu serta fungsinya dalam pelbagai aspek kerana mereka sendiri tidak pernah menerima pendidikan Melayu. Kebanyakan pegawai tinggi kerajaan dan pemimpin adalah golongan berpendidikan Inggeris daripada Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan lulusan dari England. Di samping itu pengaruh pegawai-pegawai British yang masih berkhidmat di Tanah Melayu masih lagi kuat, oleh itu sudah pasti memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Pihak KPGSM tidak yakin dengan janji kerajaan akan menubuhkan Sekolah Menengah Melayu pada 1 April 1958. Oleh itu mereka mendesak Sekolah Menengah Melayu diwujudkan pada 1 Februari 1958 juga. Mereka mendakwa kerajaan telah



‘mengkhianati bahasa Melayu’ dan ‘menzalimi anak-anak Melayu’. Malahan guru-guru yang merupakan ahli UMNO telah menuduh UMNO memesongkan dasarnya dan mengecewakan orang Melayu.<sup>48</sup> Mereka melihat para pemimpin kanan dalam UMNO tidak tegas dalam melaksanakan isu pendidikan orang Melayu dan dalam menangani isu bahasa Melayu. Ekoran daripada itu beberapa cawangan KPGMS telah menganjurkan beberapa perhimpunan dan demonstrasi bagi menyatakan pendirian tegas mereka terhadap kerajaan seperti yang berlaku di Kota Bharu.<sup>49</sup> Guru-guru Melayu Kedah bersiap sedia untuk bertindak dengan tegas sekiranya kerajaan masih berdolak dalih, mereka hanya menunggu arahan daripada PGMK untuk bertindak, diikuti oleh cawangan KPGMS Melaka dan Johor telah membuat keputusan akan keluar UMNO. Guru-guru Melayu Johor pernah melaporkan melalui akhbar bahawa, “Tindakan kami ialah untuk kepentingan nasional. Kami telah mengambil keputusan akan memerintahkan ahli-ahli kami keluar daripada UMNO kalau tuntutan kami gagal”.<sup>50</sup>

Isu bahasa dan pendidikan Melayu menjadi semakin serius apabila Parti PAS dan Parti Negara di bawah pimpinan Dato’Onn menyatakan pendirian yang sama menyokong apa yang diutarakan oleh pihak KPGMS.<sup>51</sup> Seseengah orang Melayu sendiri yang berpendidikan Barat kurang menaruh kepercayaan terhadap kelayakan bahasa Melayu untuk mengambil tempat bahasa Inggeris dalam masa yang ditentukan. Mereka bimbang bahasa Melayu tidak mempunyai istilah dan perkataan-perkataan yang cukup bagi perkara-perkara yang selama ini menggunakan bahasa Inggeris.<sup>52</sup>

Ketegasan dan pendirian Tunku yang begitu cenderung kepada penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pentadbiran negara begitu menyerlah. Hal ini ditegaskan oleh Tunku sendiri di dalam Dewan Perundangan Persekutuan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan memerlukan banyak masa lagi sebelum ianya digunakan sepenuhnya.<sup>53</sup> Tunku menegaskan beliau tidak boleh berkompromi dalam soal pendidikan Inggeris yang dianggap sebagai alat untuk mencapai kemajuan malahan beliau sanggup kehilangan sokongan daripada ahli KPGMS yang juga merupakan ahli UMNO.<sup>54</sup> Namun begitu pemimpin-pemimpin UMNO yang lain tetap bimbang dengan perkembangan yang berlaku. Pada Perhimpunan Agung UMNO 1958, usul daripada Pulau Pinang mendesak ahli-ahli UMNO yang telah keluar parti supaya berhenti daripada mempersoalkan isu bahasa dan menyertai semula UMNO.<sup>55</sup>

Menurut Cikgu Mohamad Nor Ahmad, merujuk kepada Laporan Razak kerajaan hendaklah menjadikan sekolah-sekolah umum sebagai sekolah kebangsaan. Justeru itu, mulai 1958 sekolah rendah kerajaan hendaklah memulakan bahasa pengantarnya dengan bahasa Melayu dimulai dengan darjah satu. Maka dalam tempoh sembilan tahun, tentulah pelajar-pelajar sekolah Inggeris akan dapat menerima bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar. Maka pada tahun 1968, pelajar-pelajar yang lulus sekolah Inggeris ialah pelajar-pelajar yang betul-betul menerima bahasa Melayu sepenuhnya.<sup>56</sup>

Manakala Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (KPPMS) melalui Yang Di Pertuanya Ahmad Syukur bin Ayob mencadangkan supaya pelajar-pelajar di sekolah Inggeris bertutur dan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam pergaulan mereka semasa di sekolah untuk mempercepatkan usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua sistem pendidikan Inggeris.<sup>57</sup>

## **Tindakan Kerajaan Dalam Melaksanakan Bahasa Kebangsaan**

Melalui majalah *Malaya Merdeka*, lidah rasmi UMNO, keluaran 14 Februari 1958 En Mohd Khir Johari memberitahu bahawa pihak kementerian telah melantik seorang pegawai tinggi Melayu iaitu En. Lukman Musa untuk mengurus pembukaan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu. Seterusnya En Mohd Khir mengisytiharkan bahasa Melayu menjadi subjek wajib lulus dalam setiap peperiksaan dan juga syarat untuk memegang jawatan-jawatan dalam kerajaan oleh setiap rakyat negeri Tanah Melayu.<sup>58</sup> Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan agar semua pegawai kerajaan bukan Melayu agar mempunyai kelulusan dalam bahasa Melayu sekurang-kurangnya *Lower School Certificate Standard* dan mereka diberi peluang untuk mengambil peperiksaan ini semasa dalam perkhidmatan.<sup>59</sup> Kerajaan juga telah menubuhkan seratus satu buah Pusat Pendidikan Lanjutan di seluruh Tanah Melayu untuk memudahkan para pegawai kerajaan menyambung pelajaran mereka dan mendapatkan Sijil Bahasa Melayu.<sup>60</sup> Untuk memudahkan para calon yang ingin belajar dan mengambil peperiksaan mereka boleh merujuk beberapa buku panduan peperiksaan bahasa Melayu yang terdiri daripada tiga peringkat.<sup>61</sup>

Khir Johari selaku Menteri Pelajaran menerangkan bahawa kerajaan telah membuat perancangan sebagai persediaan melahirkan guru-guru yang terlatih kerajaan telah menghantar bakal guru-guru ke luar negara untuk menjalani latihan perguruan.<sup>62</sup> Malahan bahasa kebangsaan sudah menjadi satu mata pelajaran yang penting disemua peringkat sekolah yang menggunakan bahasa selain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Begitu juga di pusat latihan perguruan samada di dalam negara dan di luar negara seperti Kirkby dan Brinsford bahasa Melayu diajar sebagai satu mata pelajaran wajib.<sup>63</sup> Kerajaan juga berjanji akan menyediakan infrastruktur yang baik untuk sekolah-sekolah Melayu dan berusaha melatih guru-guru dalam bahasa kebangsaan untuk keperluan Sekolah Menengah Melayu pada tahun 1959.<sup>64</sup>

Kerajaan juga meletakkan keutamaan kepada pendidikan dalam bahasa kebangsaan. Permulaan sebanyak lapan belas kelas bahasa kebangsaan untuk pendidikan menengah di seluruh Tanah Melayu dan sekurang-kurangnya setiap negeri mempunyai satu kelas. Kesemua kelas ini menumpang di bangunan Sekolah Inggeris sementara Sekolah Menengah Melayu di tubuhkan.<sup>65</sup> Unjuran dibuat bagi menentukan bilangan pelajar daripada Sekolah Umum yang berkelayakan (lulus peperiksaan) untuk memasuki Sekolah Menengah Melayu pada tahun hadapan.<sup>66</sup>

Seperti yang berlaku sebelum ini pelaksanaan bahasa kebangsaan menghadapi pelbagai kerumitan seperti ketiadaan guru bahasa Melayu dan sumber buku teks serta bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang berkualiti.<sup>67</sup> Ada kelas-kelas bahasa kebangsaan tidak dapat dilaksanakan walaupun terkandung di dalam jadual kerana ketiadaan guru untuk mengajar. Jabatan pelajaran menerima pelbagai aduan samada daripada pelajar, ibubapa, guru-guru dan pihak sekolah berkaitan masalah yang dihadapi berkenaan dengan kelas bahasa kebangsaan.<sup>68</sup> Timbulnya masalah ini kerana kerajaan tidak bersedia dengan penambahan bilangan kanak-kanak di sekolah secara mendadak ekoran kesedaran masyarakat Melayu terhadap kepentingan pelajaran. Kekurangan guru yang mahir untuk mengajar bahasa kebangsaan menjadi masalah utama kepada pihak kerajaan. Manakala di sekolah-sekolah Cina dan Tamil masalah ketidakfahaman pelaksanaan waktu pembelajaran bahasa kebangsaan telah menimbulkan kerumitan terutama di sekolah Cina.<sup>69</sup>

Kebanyakan akhbar Tanah Melayu pada masa ini mengkritik dan menzahirkan perasaan tidak puas hati terhadap pelaksanaan dasar-dasar pendidikan dan dasar bahasa yang dilihat lebih banyak berkompromi dengan kaum bukan Melayu. Kecaman yang berterusan yang dibuat terhadap kerajaan berkenaan bahasa kebangsaan oleh KPGMS, menyebabkan Tunku berjanji bahawa bahasa Melayu akan dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menjelang tahun 1959.<sup>70</sup> Janji ini termaktub dalam manifesto Perikatan dalam pilihanraya 1959 yang menjanjikan kepada rakyat bahawa kerajaan perikatan akan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, menggalak dan mengawal perkembangan bahasa-bahasa dan kebudayaan lain.<sup>71</sup>

Kerajaan Perikatan melalui manifesto tersebut turut menjanjikan kemudahan yang lebih besar bagi mempelajari bahasa Melayu, mencorakkan pelajaran supaya menjadi lebih kebangsaan. Di samping itu, memperkasa fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka supaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam tempoh sepuluh tahun daripada tarikh kemerdekaan.<sup>72</sup> Kesan daripada janji-janji yang dibuat oleh Perikatan, ada dalam kalangan guru-guru yang keluar dari UMNO telah kembali kepada UMNO atas dasar janji-janji tersebut.<sup>73</sup> Namun bagi mereka yang engkar dan memegang jawatan dalam kerajaan mereka telah diberi surat perintah penurunan pangkat daripada kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pelajaran berkuat kuasa mulai 1 Ogos 1958. Kebanyakan mereka telah diturunkan pangkat daripada jawatan Guru Pelawat kepada Guru Besar.<sup>74</sup> Sekali lagi berlaku gelombang kemarahan masyarakat terhadap kerajaan, akhbar-akhbar tempatan telah bertindak mengkritik dan membidas kerajaan atas tindakan ke atas guru-guru Melayu yang dianggap sebagai tidak adil. Kebanyakan berita tersebut berada di muka hadapan dan mendapat liputan yang meluas, situasi ini telah menimbulkan kemarahan kepada masyarakat Melayu keseluruhannya.<sup>75</sup>

Situasi yang tegang telah memaksa Tunku untuk mengadakan pertemuan dengan pihak KPGMS. Beliau menjemput Cikgu Mohamad Nor Ahmad selaku Yang Dipertua KPGMS pada 22 September 1958. Pihak KPGMS telah meminta agar menteri pelajaran ditukar ke kementerian yang lain atas alasan ketidakmampuannya mengurus dan menyelesaikan sistem pendidikan Melayu. Namun permintaan ini tidak diikuti oleh Tunku tetapi beliau telah membuat pengakuan bertulis bahawa kerajaan akan melaksanakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi dalam semua sistem pendidikan kerajaan. KPGMS menyambut baik jaminan yang dibuat oleh Tunku dan telah menyebarkan berita ini kepada orang ramai melalui risalah.<sup>76</sup>

Tunku memberi jaminan bahasa Melayu akan menjadi bahasa pengantar di semua sekolah bantuan kerajaan dan sekolah jenis umum (aliran Inggeris) mulai tahun 1959 secara berperingkat. Di samping itu juga bahasa Melayu diberi keutamaan menjadi bahasa pengantar di sekolah menengah mulai tahun 1959. Kerajaan juga bersetuju menarik balik pemecatan jawatan Guru Pelawat dan guru-guru di sekolah Melayu diberi peluang menerima latihan di maktab-maktab bahasa. Tindakan guru-guru Melayu keluar daripada UMNO secara beramai-ramai ternyata telah memberi implikasi yang besar kepada UMNO dalam Pilihanraya 1959. Ramai pemimpin-pemimpin yang berkalibar telah menyertai PAS malah menjadi penyokong kuat parti tersebut.

Ternyata perjuangan guru-guru Melayu dalam memartabatkan bahasa kebangsaan adalah satu perjuangan yang cukup hebat dan berkesan sehingga telaksananya satu dasar pendidikan yang meletakkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang penting dalam negara. Kementerian Pelajaran telah membuat beberapa perubahan dalam sistem pendidikan negara apabila memperkenalkan Sekolah

Menengah Aliran Melayu mulai tahun 1958. Seramai 600 orang pelajar sekolah Melayu telah berjaya memasuki tingkatan 1 di seluruh negara.<sup>77</sup> Ekoran daripada gerakan berani guru-guru Melayu maka kerajaan telah merangka satu Jawatankuasa Pelajaran pada tahun 1960 yang diberi nama Penyata Rahman Talib 1960. Penyata Rahman Talib menjelaskan bahawa mata pelajaran bahasa Melayu wajib dimasukkan ke dalam kurikulum semua sekolah rendah termasuklah sekolah vernakular dan sekolah persendirian. Penyata ini menjelaskan, “bahawa Bahasa Kebangsaan ini hendaklah diajar mulai Darjah 1 dalam semua sekolah rendah Cina, Tamil dan Inggeris (sama ada sekolah bantuan, bantuan separuh atau sekolah-sekolah yang bersendirian)”.<sup>78</sup> Seterusnya jawatankuasa itu mengesyorkan:

“Pelajaran rendah dalam Bahasa Kebangsaan akan dimajukan dengan mengadakan pelajaran menerusi Bahasa Kebangsaan di sekolah yang dahulunya sekolah rendah kerajaan, dengan syarat ada guru-guru yang sesuai, dan semua sekolah rendah bantuan akan diubah menjadi sekolah kebangsaan ataupun sekolah jenis kebangsaan...”<sup>79</sup>(Penyata Rahman Talib 1976 : Perenggan 371 (c)).

Penyata ini mencadangkan bukan hanya penggunaan bahasa kebangsaan di peringkat rendah tetapi juga pada peringkat menengah dan tinggi. Apa yang jelas ialah tiada perubahan dibuat untuk bahasa pengantar di peringkat rendah. Kanak-kanak daripada pelbagai komuniti menerima pelajaran daripada empat bahasa yang berbeza. Cuma terdapat perubahan kepada sekolah rendah yang ditukar kepada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.<sup>80</sup> Sekolah kebangsaan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala sekolah jenis kebangsaan menggunakan bahasa Inggeris, Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar dan sekolah ini layak menerima bantuan kerajaan sekiranya mematuhi sukatan pelajaran yang diperuntukan oleh kerajaan. Kesemua jenis sekolah ini diperkenalkan dengan sistem peperiksaan awam yang dikendalikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Sekolah menengah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa Inggeris sebagai subjek wajib. Bagi Sekolah Rendah Inggeris pula perlu ditukarkan kepada bahasa pengantar bahasa Melayu dan pertukaran ini berlaku sangat lewat iaitu pada tahun 1968 secara berperingkat. Penyata Rahman Talib 1960 diterjemahkan dalam Akta Pendidikan 1961 merupakan undang-undang utama yang mengawal semua tahap pendidikan bermula pada tahun 1961. Apabila akta ini dikuatkuasakan maka ternobatlah bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang sebelum ini disisihkan oleh penjajah Inggeris dalam sistem pendidikan.

Kerajaan telah melancarkan sebuah Jawatankuasa Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir Ismail (Pengaroh DBP) pada 1961. Selaras dengan matlamat kempen penggunaan bahasa kebangsaan, maka arahan telah dibuat kepada semua sektor termasuk sektor perkhidmatan awam, swasta, pertubuhan, persatuan dan kelab-kelab di seluruh Persekutuan Tanah Melayu supaya mengutamakan bahasa kebangsaan dalam segala urusan mereka tanpa menghapuskan sama sekali bahasa Inggeris dan bahasa lain.<sup>81</sup> Pada Februari 1967 Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan kepada Parlimen “*National Language Bill*”<sup>82</sup> dan telah diterima oleh parlimen pada Mac 1967. Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan pada 1 September 1967 akan berkuatkuasa sepenuhnya.<sup>83</sup>

Gesaan pejuang bahasa terhadap kerajaan berlandaskan perubahan perlu dilakukan segera dalam pentadbiran negara sementara peluang sedang terbuka luas, ketegasan pihak kerajaan amat perlu untuk merangka dasar yang boleh mewujudkan

ciri kebangsaan memandangkan negara baru sahaja merdeka. Jika perkara ini dilengahkan apa yang dirancang mungkin akan dibantah oleh kaum bukan Melayu yang mempunyai pelbagai alasan untuk mengekalkan sistem penjajah yang sedia ada. KPGMS melihat perubahan dalam bidang pendidikan Melayu dan pelaksanaan dasar bahasa yang berteraskan Tanah Melayu harus dilakukan oleh kerajaan tanpa kompromi daripada mana-mana pihak. Ini kerana masyarakat Melayu terutamanya ketinggalan jauh dalam bidang ekonomi ekoran daripada sistem pendidikan penjajah yang menafikan hak-hak penduduk tempatan.

## **Kesimpulan**

Peranan guru-guru Melayu dalam perjuangan memartabatkan bahasa kebangsaan amat penting dalam membentuk sistem pendidikan Tanah Melayu. Peranan mereka sentiasa mendapat perhatian masyarakat dan pemimpin kerana mereka memperjuangkan permasalahan orang Melayu secara amnya. KPGMS merupakan kumpulan pendesak yang terlibat secara aktif mendesak malah menentang kerajaan atas ketidakakuran kepada dasar-dasar yang telah digubal. Kemelut yang berlaku antara KPGMS dengan kerajaan berkaitan dengan isu bahasa kebangsaan telah menjejaskan prestasi dan kepopularan parti Perikatan dalam pilihanraya tahun 1959. Peratusan penguadian kepada parti PAS telah naik secara mendadak walaupun mengalami kekalahan. Ini menggambarkan bahawa isu pelaksanaan bahasa kebangsaan yang diambil mudah oleh kerajaan sebenarnya satu isu yang besar dan perlu diselesaikan walaupun terdapat pelbagai kekangan seperti perkauman dan politik bahasa. Tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan guru-guru Melayu dalam memperjuangkan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara cukup berkesan. Ini dapat dibuktikan melalui Sekolah Menengah Melayu, terhapusnya Sekolah Aliran Inggeris dan wujudnya bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar serta matapelajaran wajib di semua sekolah di Malaysia.

Momentum perjuangan guru-guru Melayu selepas kemerdekaan sehingga tahun 1970 cukup hebat sehingga memberi kesan yang mendalam kepada pihak kerajaan dan kaum bukan Melayu. Perkara ini telah membuka mata pihak kerajaan malah menjadi cerminan dalam setiap pelaksanaan dasar-dasar agar selari dengan perlembagaan serta dasar-dasar yang tidak menindas hak-hak mutlak orang Melayu. Majoriti Ahli KPGMS adalah ahli UMNO yang sama-sama memperjuangkan kemerdekaan. Ada dalam kalangan mereka individu yang berjawatan dalam parti. Keikhlasan mereka terhadap perjuangan terbukti apabila sanggup kehilangan jawatan dan kedudukan demi memperjuangkan kedudukan bahasa kebangsaan agar berfungsi setaraf dengan kedudukannya dalam perlembagaan. Perjuangan mereka berhasil apabila kedudukan bahasa kebangsaan berada di tahap yang membanggakan dalam sistem pendidikan rendah dan tinggi serta dalam sistem pentadbiran negara yang dahulunya menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya.

---

## **Nota**

- <sup>1</sup> Perlembagaan Persekutuan (terjemahan), Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1972, hlm. 171-172.
- <sup>2</sup> Keranda 152, *Bahasa kita, Air Mata dan Maruah kita*, Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia, 2002, hlm. 33.
- <sup>3</sup> Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, 2013, hlm. 20.
- <sup>4</sup> Perlembagaan Persekutuan (terjemahan), Perkara 38, Perkara 159 dan Jadual Ke tiga dan Ke empat serta Peraturan-peraturan Majlis Raja-Raja, lihat juga Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan*

*Malaysia, Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2015, hlm. 74.

- <sup>5</sup> Ibid.
- <sup>6</sup> Abdullah Hassan, *Mengapa Kami Bantah, Penggunaan Bahasa Inggeris bagi Mengajar Sains dan Matematik*, Kuala Lumpur: Persatuan Terjemahan Malaysia, 2007, hlm. 95.
- <sup>7</sup> Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia, Asas-asas dan Masalah*, hlm.5.
- <sup>8</sup> A.M. Thani, *Integrasi Sosial dalam Kesusasteraan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 10.
- <sup>9</sup> Abdul Rahman Daud, "Peranan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dalam Memartabatkan Bahasa Melayu", Kertas Kerja Seminar KGMMB, 2002, hlm. 22.
- <sup>10</sup> *Majalah Guru*, Februari 1957, hlm. 37.
- <sup>11</sup> *Utusan Melayu*, 22 April 1957.
- <sup>12</sup> *Malay Mail* 22 April 1957.
- <sup>13</sup> Margaret Roff, "*The Politics of Language in Malaya*", dalam *Asian Survey*. (Institute of International Studies at Universiti of California), Mei 1967, Vol. VII no. 5, hlm. 321.
- <sup>14</sup> *Federation of Malaya Year Book 1964*. 1966, Vol 1V. Kuala Lumpur: Government Printer, hlm. 537.
- <sup>15</sup> *Utusan Melayu*, 22 April 1961.
- <sup>16</sup> Speech by The Minister of Education, The Hon'ble Inche Khir Johari, When Introducing The Estimates of The Ministry of Education un The Commitee of Supply, Education in The Federation of Malaya. 11 December, 1958, DO 35/9963.
- <sup>17</sup> Haris Md. Jadi, *Emik Politik dan pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: 1990, hlm. 105.
- <sup>18</sup> Cikgu Mohamad Nor Ahmad berasal dari Pulau Pinang merupakan seorang penuntut di Sultan Idris Teacher Collage (SITC) pada tahun 1929 hingga 1932. Sebelum itu beliau pernah berkhidmat sebagai guru tidak terlatih di Sekolah Melayu Sungai Gelugor pada tahun 1927. Pada tahun 1946 beliau bersama rakan-rakan guru yang lain menubuhkan KPGMS dan dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Pelajaran Kesatuan. Beliau juga merupakan salah seorang pengasas Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dalam bidang politik pula beliau terlibat dalam penubuhan Persatuan Melayu Pulau Pinang dan seterusnya mengasaskan UMNO Pulau Pinang. Dari tahun 1946 sehingga 1958 beliau memegang jawatan AJK Tertinggi UMNO dan selepas itu sebagai Setiausaha Politik Tenku Abdul Rahman semasa menjawat Perdana Menteri. Rujuk: *Ensiklopedia sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, 1999, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1546.
- <sup>19</sup> "Mesyuarat Agung KPGMS XII, Bil. (10) KPGMS 23/57" dalam Fail PGMK 36/57, 1957, Persatuan Guru Melayu Kedah, Alor Star.
- <sup>20</sup> Mohd Yusof Harun (Pnyt.), *Kenang2an Kongres Kebudayaan Melayu 1, Melaka*: Panitia Kongres Kebudayaan Melayu, 1957, hlm.3
- <sup>21</sup> *Utusan Melayu*, 22 April 1957, lihat juga *Malay Mail* 22 April 1957.
- <sup>22</sup> Petikan daripada Teks Ucapan Dato Abdul Razak Hussain ketika Perbahasan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan, 16 Mei 1956 dalam Report of Education Committee, 1956, perenggan 54, 69 dan 70.
- <sup>23</sup> *Berita Harian*, 30 Disember 1957.
- <sup>24</sup> *The Straits Times*, 1 February 1958.
- <sup>25</sup> *Berita Harian*, 25 Disember, 1957.
- <sup>26</sup> *Utusan Melayu*, 30 Disember 1957
- <sup>27</sup> Aziz bin Jonit, "Kesatuan Guru-guru Melayu Melaka, 1923-1960" Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor: 1977, hlm. 78, lihat juga Means, G.P, *Malaysian Politics*, London: Stroughton and Hodder, 1976, hlm. 196, dan Margeret Roof, "The Politics of Language in Malaya", *Asian Survey*, Jil. VII. NO. 5, Mei 1967, hlm. 321.
- <sup>28</sup> Ibid.
- <sup>29</sup> K. Ramanathan, *Politik Pendidikan Bahasa 1930-1971*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hlm. 70.
- <sup>30</sup> *Berita Harian*, 16 Januari, 1958.
- <sup>31</sup> *Utusan Melayu*, 3 Jun 1958
- <sup>32</sup> *The Straits Times*, 1 February 1958.
- <sup>33</sup> Ibid.
- <sup>34</sup> *Warta Negara*, 1 Februari 1958.
- <sup>35</sup> *Utusan Melayu*, 15 Januari 1958, *The Straits Echo*, 13 Januari 1958.
- <sup>36</sup> *Utusan Melayu*, 20 Januari 1958.
- <sup>37</sup> Di petik dari, "*Gelora*", dalam 20 Tahun KPGMS Berjuang, Kuala Lumpur: hlm. 63-64.

- <sup>38</sup> Tuan Syed Nasir pernah berkhidmat sebagai nazir sekolah di Batu Pahat pada tahun 1942 dan pada tahun 1956 dilantik pula sebagai Pengelola Pelajaran Melayu dan seterusnya sebagai Pengarah Pelajaran Malaya. Syed Nasir terlibat dalam pembentukan dasar pelajaran dan menjadi salah seorang ahli jawatankuasa yang merangka Laporan Pelajaran Barnes bagi pelajaran Melayu dan Ahli Majlis Penasihat Pelajaran. Pada tahun 1959 beliau dilantik sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga tahun 1968. Rujuk: Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu, *Edisi Kedua Cetakan Pertama 1999, Jil. ke III, Dewan Bahasa dan Pustaka*, hlm. 2386-2387.
- <sup>39</sup> Aminuddin dilahirkan pada tahun 1926 di Chemor, Perak. Beliau berkelulusan dari Universiti Malaya, Singapura. Setelah tamat pelajaran beliau bertugas sebagai guru dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke University of London pada tahun 1957 dan setelah tamat pengajian beliau dilantik sebagai pensyarah di SITC. Kemudian sebagai pegawai pelajaran di beberapa buah negeri dan seterusnya sebagai Ketua Penasihat pelajaran. Beliau banyak terlibat dalam perancangan dasar pelajaran seperti Penyata Barnes 1951, Penyata Razak 1956, Penyata Abdul Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 serta Penyata Aminuddin Baki 1962. Ibid, hlm. 241-242.
- <sup>40</sup> *Utusan Melayu*, 1 Februari 1958.
- <sup>41</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981, hlm. 685-686.
- <sup>42</sup> *Warta Negara*, 19 Januari 1958.
- <sup>43</sup> *Utusan Melayu*, 1 Februari 1958.
- <sup>44</sup> Margeret Roof, *The Politics of Language in Malaya*, hlm. 321.
- <sup>45</sup> Ahmad bin Md. Saman, *Persatuan Guru-guru Melayu Kedah: Pergerakan dan Perjuangan 1946-1956*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1977, hlm. 364.
- <sup>46</sup> *The Straits Echo*, 13 January 1958.
- <sup>47</sup> *The Straits Times*, 28 September 1965.
- <sup>48</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 694.
- <sup>49</sup> K. Ramanathan, *Politik Pendidikan Bahasa 1930-1971*, hlm. 70.
- <sup>50</sup> *Utusan Zaman*, 19 Januari 1958.
- <sup>51</sup> Ibid, hlm. 70.
- <sup>52</sup> Syed Hussein Al Attas, *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan*, dalam *Di Sekitar Persoalan Bahasa Melayu, 1957-1972*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, Kuala Lumpur, hlm. 187.
- <sup>53</sup> Legislatif Council Debates Official Report of The Second Legislatif Council September 1957-October 1958, hlm. 4481-4482, lihat dalam Abdul Halim Ramli, *Persetujuan Antara Kaum dalam Perlembagaan Merdeka: Pelaksanaan dan Kesannya Ke Atas Hubungan Kaum di Semenanjung Malaysia Sehingga 1969*, hlm. 200.
- <sup>54</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 689-690.
- <sup>55</sup> *Malay Mail*, 12 Mei 1958.
- <sup>56</sup> Mohd Nor Ahmad, "Chara-chara Pelaksanaan Bahasa Melayu Menjadi Bahasa Kebangsaan dan Rasmi yang Tunggal dalam Persekutuan Tanah Melayu Mengikut Jangka Panjang 10 tahun" 1 Ogos 1957.
- <sup>57</sup> *Berita Harian*, 22 Jun 1959.
- <sup>58</sup> *Malayan Merdeka*, 14 Februari 1958.
- <sup>59</sup> Lihat Surat J.R.North, Ketua Penguasa Pelajaran, Kementerian Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu, kepada Semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan Semua Ketua Jabatan Kerajaan Pusat, 20 May 1958.
- <sup>60</sup> Ibid, hlm. 2-5.
- <sup>61</sup> Ibid.
- <sup>62</sup> *Sunday Times*, 20 May 1951.
- <sup>63</sup> Kirkby Training College For Malay Student, Education Department Kirkby College, CO 717/193.
- <sup>64</sup> Speech by The Minister of Education, The Hon'ble Inche Khir Johari, When Introducing The Estimates of The Ministry of Education un The Committee of Supply, 11 December, 1958, Education in The Federation of Malaya, DO 35/9963.
- <sup>65</sup> Ibid.
- <sup>66</sup> Ibid.
- <sup>67</sup> Lihat *Education Report*, Depart. of Religious Affairs, Terengganu kepada Chief Education Officer, Terengganu, 7 May 1958.
- <sup>68</sup> Lihat *Education Report*, surat-menyurat antara Ministry of Education, Federation of Malaya Federal House, Kuala Lumpur kepada Chief Education Officer, All Regions, Manicipal Education Officers, Kuala Lumpur, 1 May 1958, lihat juga surat Teaching of the National Language in Chinese Primary Schools, Education Officer Terengganu kepada The Headmaster, 7 May 1958.
- <sup>69</sup> Lihat juga surat *Teaching of the National Language in Chinese Primary Schools & Middle Schools*, Ministry of Education, Federation of Malaya Federal House, Kuala Lumpur kepada Semua Penguasa

Pelajaran dan Setiausaha Kerajaan Negeri, 21 March 1957.

- <sup>70</sup> K. Ramanathan, *Politik Pendidikan Bahasa 1930-1971*, hlm. 71.
- <sup>71</sup> “Apa yang ditawarkan kepada tuan”, Manifesto Pilihan Raya, Dewan Rakyat 1959, hlm. 9.
- <sup>72</sup> Lihat Federation of Malaya, Legislative Council Debates Official Report of the Second Legislative Council of the Federation of Malaya For The Period (fourth Session) December 1958 to June 1959, Kuala Lumpur: Government Press, 1959, hlm. 5531 dan Abdul Halim Ramli, *Perlembagaan Malaysia, Isu dan Persoalan Perhubungan Kaum*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 188.
- <sup>73</sup> Surat daripada Johari Haji Salleh, Setiausaha UMNO negeri Kedah, Bil (2) dalam UMNO, NG/KEDAH 3/5, tarikh 5 Februari 1958, Lampiran 45, hlm 430, lihat juga surat daripada Ismail Yussof, Setiausaha Agung UMNO, Bil. UMNO/SUA, 30/58/3, tarikh 23 Februari 1958, Lampiran 48, hlm.433.
- <sup>74</sup> “Turun Pangkat Pegawai Kesatuan”, dalam Fail PGMK 15/58 (Bil.(8), bertarikh 20 Ogos 1958.
- <sup>75</sup> *Warta Negara*, 21 Julai 1958, *Utusan Melayu*, 22 Julai 1958 dan *Warta Negara*, 22 Julai 1958.
- <sup>76</sup> Keterangan Datuk Hj. Shaari Abu Bakar dalam Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Guru Melayu di Kedah, Penglibatan dalam Politik*, Tesis Doktor Falsafah (PHD), Universiti Sains Malaysia, 1940-1960, 2004.
- <sup>77</sup> Federation of Malaya Year Book 1961. 1966, Vol. 1. (Kuala Lumpur: Government Printer), hlm. 212-204 ; Federation of Malaya Year Book 1962. 1966, Vol. 11. (Kuala Lumpur: Government Printer), hlm. 356 ;Federation of Malaya Year Book 1963. 1966, Vol. 111. (Kuala Lumpur: Government Printer), hlm. 405; Federation of Malaya Year Book 1964. 1966, Vol. 1V. (Kuala Lumpur: Government Printer), hlm. 537.
- <sup>78</sup> Educations Report, The Rahman Talib Report on Education in Malaya, perenggang 233, May 1961, DO 167/1
- <sup>79</sup> Ibid, perenggang 371, (c).
- <sup>80</sup> Konsep “sekolah jenis kebangsaan” sudah wujud melalui Penyata Razak 1956, dengan nama asalnya *Standart Type School*. “Jenis” bermaksud sesuatu yang tidak sama dengan konsep asal. Demikianlah dengan “sekolah jenis kebangsaan” bukanlah sekolah kebangsaan walaupun berada di bawah sistem sekolah kebangsaan. Lihat dalam Asmah Haji Omar, *Dasar Bahasa Kebangsaan, Sejarah Memartabat Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 137.
- <sup>81</sup> Lihat surat dari Syed Nasir Ismail kepada Penguasa/Pengurus, Tempat-tempat Hiburan, Kementerian Persekutuan Tanah Melayu dan Pertubuhan di seluruh Persekutuan, 1 Januari 1961, Arkib Negara Malaysia.
- <sup>82</sup> Keranda 152, hlm. 40.
- <sup>83</sup> Keranda 152, hlm. 41.(Untuk melihat Akta Bahasa Kebangsaan 1967,Rujuk Lampiran 1).